

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN

Bil:()dlm.MDBG.S.400-5/7/28

Tarikh: 18 November 2024

NOTIS SEBUTHARGA

(SEBUTHARGA: 51/2024)

SEBUTHARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebutharga ini terbuka kepada kontraktor yang **berdaftar SST / tidak berdaftar SST** serta **bertaraf Bumiputera** sahaja yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR- BUTIR SEBUTHARGA	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR PENDAFTARAN KERJA	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebutharga: 51/2024 Projek: MENAIKTARAF GELANGGANG FUTSAL RPA SIPUTEH DI JALAN SIPUTEH SERTA KERJA YANG BERKAITAN	GRED G1 Kategori B & CE Pengkhususan B04, CE21 & CE22	Tarikh: 18 November 2024 - 20 November 2024 Waktu: 9.00 pg – 12.30 tgh hari dan 2.15 ptg – 4.30 ptg (Isnin hingga Rabu) Tempat : Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Batu Gajah **Hanya pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan untuk mendaftar sebut harga kerja.	Tarikh Dijual: 21 November 2024 - 27 November 2024 Waktu: 9.00 pg - 12.30 tgh hari dan 2.15 ptg -4.00 ptg (Isnin hingga Khamis) 9.00 pg – 12.00 tgh hari (Jumaat) Tempat : Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Batu Gajah **Borang sebut harga akan dijual kepada syarikat yang berdaftar kerja sahaja dan wakil adalah dibenarkan.	Tarikh Tutup: 27 November 2024 Jam: 12.00 tgh hari

1. Lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas (sekiranya ada). Pihak kontraktor juga boleh melakukan lawatan tapak secara bersendirian tanpa pengawasan pegawai.
2. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) sahaja boleh menghadiri lawatan tapak, pendaftaran kerja dan taklimat Sebut harga.

3. Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Kontraktor MDBG** dan dikemukakan semasa pendaftaran. (**Wakil tidak dibenarkan**).
4. Semua kontraktor hendaklah memastikan bahawa **Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil CIDB dan Sijil Bhg. Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (PKK)** masih **berkuatkuasa 3 bulan sebelum** menghadiri lawatan tapak dan juga semasa memasuki sebutharga tersebut. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk memasuki sebutharga ini.
5. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebutharga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga**.
6. Semua borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA, DI JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
7. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
8. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga yang disyorkan.

(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI., PMP., AMP.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah.